


LATIHAN 2

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1.



Semua orang maklum bahawa keadaan jalan raya di bandar biasanya _____.

- A berpusu-pusu
 - B berlekuk-lekak
 - C bersimpang-siur
 - D bergunung-ganang
2. Kegiatan _____ emas di kampung itu dihentikan setelah mendapat arahan daripada pihak berkuasa.
- A mencari gali
 - B mengambil alih
 - C mengenal pasti
 - D mengulang kaji

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

3. I Air sungai itu menjadi *cerah* pada musim kemarau.
 II Cuaca yang *cerah* pada pagi ini diramalkan berterusan hingga petang.
 III Kulit kakak kelihatan *cerah* kini berbanding ketika dia masih bersekolah.
 IV Peluang kami untuk memenangi perlawanan bola sepak itu lebih *cerah* berbanding dengan pasukan lawan.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja
4. I Azra membuat latihan *kira-kira* di ruang tamu sambil mengunyah sekeping biskut.
 II Sebenarnya saya tidak mengetahui jumlah guli di dalam kotak ini, saya *kira-kira* sahaja.
 III *Kira-kira* 80000 penonton dijangka akan menyaksikan perlawanan Piala Malaysia di Stadium Nasional Bukit Jalil.
 IV Adik leka memerhatikan beberapa ekor anak *kira-kira* yang terdapat di dalam akuarium itu.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5. Ibu bapa haruslah memupuk sikap saling hormat-menghormati pada anak-anak sejak mereka kecil lagi.
- A hormat-menghormati pada
 - B saling hormat-menghormati kepada
 - C saling menghormati kepada
 - D saling hormat-menghormati pada
6. Murid yang memperoleh markah yang terpaling tinggi sekali dalam mata pelajaran Sejarah di kelas kami ialah Hazwan.
- A paling tinggi
 - B terpaling tinggi
 - C paling tinggi sekali
 - D terpaling tinggi sekali

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7. I Noniswara gemar membaca buku pada masa lapang.
II Mereka menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan baik.
III Kambing-kambing Pak Jalil berserakan di padang ragut itu.
IV Semua pekerja-pekerja itu dibenarkan untuk mengambil cuti sakit dengan kelulusan doktor.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja
8. I Amboi, mahalunya harga makanan di restoran ini!
II Nazrin tampil di atas pentas apabila namanya dipanggil untuk menerima anugerah.

III Ayah dan ibu belajar di sebuah universiti tempatan pada tahun 1990-an.

IV Kita haruslah mengikut rasmi padi, iaitu semakin tinggi ilmu kita, semakin merendah diri.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

9. “Usahlah kamu bersedih, perkara ini masih boleh diselesaikan,” kata Yuhanis kepada rakannya.
- A Rakan Yuhanis diminta agar tidak bersedih kerana perkara itu masih boleh diselesaikan.
 - B Yuhanis bersedih kerana rakannya tidak dapat menyelesaikan masalah yang dihadapinya.
 - C Yuhanis memujuk rakannya agar tidak bersedih kerana perkara itu masih boleh diselesaikan.
 - D Rakan Yuhanis bersedih lalu Yuhanis memujuknya untuk menyelesaikan masalah itu bersama-sama.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

10. Kita haruslah peka akan perkembangan semasa supaya tidak menjadi
- A macam ayam berak kapur.
 - B macam cacing kepanasan.
 - C macam pahat dengan penukul.
 - D macam katak di bawah tempurung.